FORMULASI IMAM 'ABD AL-HAY AL-LAKNAWI TERHADAP HADIS DIPERSELISIHKAN STATUSNYA

Oleh:
Mohd. Khafidz bin Soroni
Jab. al-Quran & al-Sunnah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Penentuan status hadis sama ada sahih, hasan, daif dan sebagainya adalah objektif utama daripada proses pengajaran dan pembelajaran ilmu 'ulum al-hadith. Bagaimanapun, bagi tujuan tersebut perselisihan pandangan memang tetap tidak dapat dielakkan hingga terjadi perselisihan di kalangan para muhaddithin dalam menentukan status sesuatu hadis. Tujuan kajian ini ialah untuk mengupas dan menyorot formulasi yang telah digariskan oleh Imam 'Abd al-Hay al-Laknawi (1264-1304H) dalam menanggapi isu perselisihan di kalangan ulama mengenai status hadis. Imam 'Abd al-Hay al-Laknawi merupakan tokoh ulama terkenal dari Lucknow, India, yang handal dan mahir dalam disiplin ilmu hadis. Khusus dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada teks penulisan beliau di dalam kitab Zafar al-Amani bi Syarh Mukhtasar al-Jurjani. Kitab Zafar al-Amani adalah antara karya beliau yang termasyhur yang merupakan syarah kepada kitab al-Mukhtasar fi Mustalah al-Hadith karangan al-'Allamah al-Sayyid 'Ali bin Muhammad al-Jurjani (w. 816H). Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Metod yang digunakan ialah analisis deskriptif dengan menggunakan teknik analisis teks. Dapatan kajian membuktikan formulasi yang telah digariskan oleh Imam 'Abd al-Hay al-Laknawi di dalam kitab tersebut boleh dianggap sebagai asas solusi yang penting bagi hadis-hadis yang diperselisihkan statusnya.

Mukadimah

Objektif utama daripada pembelajaran ilmu *'ulum al-hadith* ialah menentukan status hadis sama ada sahih, hasan, daif, palsu dan sebagainya. Perbahasan-perbahasan panjang dan halus yang melingkari ilmu *'ulum al-hadith* adalah bagi mencapai tujuan dan maksud tersebut. Sejak dari awal dalam sejarah periwayatan hadis, memastikan ketulenan dan keabsahan hadis menjadi fokus utama para muhaddithin yang muktabar. Ia memang bukan suatu tugas yang mudah. Ini kerana para perawi yang meriwayatkan hadis-hadis Nabi SAW secara bersambung sanad itu terdiri daripada pelbagai kedudukan, status dan kredibiliti. Tahap keboleh percayaan terhadap perawi-perawi ini juga beragam daripada yang sangat dipercayai, dipercayai, sedikit dipercayai, diperselisihkan antara dipercayai dan tidak dipercayai, kurang dipercayai sehingga kepada yang sangat tidak dipercayai.

Berdasarkan tahap-tahap ini, hadis secara umum dikategorikan kepada hadis yang tidak palsu (berstatus sahih, hasan dan daif) dan hadis yang palsu. Demikian tugas para muhaddithin dalam menapis dan mengkelaskan hadis-hadis menurut kategorinya. Bagaimanapun, di atas berbagai faktor, perselisihan pandangan memang tidak dapat dielakkan. Justeru, perselisihan turut berlaku di kalangan ulama hadis dalam menentukan status sesetengah hadis. Bagi mencari jalan penyelesaian, sebahagian muhaddithin telah tampil untuk memberikan formulasi dan solusi terhadap perselisihan ini. Antara mereka itu ialah Imam ‘Abd al-Hay al-Laknawi, seorang ulama hadis dari benua India.

Biografi Imam ‘Abd al-Hay al-Laknawi

Beliau ialah ‘Abd al-Hay bin ‘Abd al-Halim bin Amin Allah bin Akbar al-Ansari al-Sihalawi al-Laknawi al-Hanafi. Namanya juga ditulis dengan tambahan nama 'Muhammad' seperti berikut; Muhammad ‘Abd al-Hay bin Muhammad ‘Abd al-Halim bin Muhammad Amin Allah bin Muhammad Akbar al-Ansari. Nama panggilan (*kunyah*) beliau ialah Abu al-Hasanat. Al-Ansari adalah nisbah kepada sahabat Nabi SAW bernama Abu Ayyub al-Ansari RA kerana beliau merupakan keturunannya. (Waliy al-Din 1995: 57-60)

Beliau dilahirkan pada hari Selasa, 26 Zulkaedah tahun 1264H. Sejak kecil, bapanya amat mengambil berat terhadap pendidikannya serta banyak membimbing dan mengajarnya ilmu-ilmu asas. Syeikh ‘Abd al-Hay juga memiliki daya ingatan yang kuat. Ketika berusia 10 tahun, beliau telah berjaya menghafal al-Quran. Beliau kemudian mempelajari berbagai bidang ilmu seperti saraf, nahu, *ma‘ani, bayan*, mantik, hikmah, *tibb*, fiqh, usul al-fiqh, ilmu kalam, hadis, tafsir dan sebagainya hingga dapat menyelesaikan kesemuanya dalam usia 17 tahun. Guru dan pembimbing utama di sepanjang pengajian beliau ini adalah bapanya sendiri, Syeikh ‘Abd al-Halim. (Waliy al-Din 1995: 68-70)

Beliau telah berpeluang pergi menunaikan haji sebanyak dua kali. Kali pertama, bersama bapanya pada tahun 1279H ketika berusia 15 tahun. Kali kedua, pada tahun 1292H dan beliau turut mengambil manfaat ilmu daripada para alim ulama yg berada di Makkah dan Madinah pada masa itu. (Waliy al-Din 1995: 74-76)

Setelah tamat pengajian, beliau telah menumpukan masanya untuk mengajar, mendidik, menelaah dan menulis di tempat asalnya, Lucknow. Demikian rutin kehidupan beliau sehingga akhirnya beliau meninggal dunia pada 30 Rabiulawwal tahun 1304H disebabkan serangan jantung dalam usia 39 tahun. Dikatakan, seramai kira-kira 20,000 orang telah datang untuk menyembahyangi jenazahnya. (Waliy al-Din 1995: 79-80)

Antara guru-guru Imam ‘Abd al-Hay al-Laknawi ialah:

1. Bapanya sendiri, al-‘Allamah ‘Abd al-Halim bin Amin Allah al-Laknawi.
2. al-Mufti Ni‘mah Allah bin Nur Allah al-Laknawi.
3. al-Mulwi Khadim Husayn.

Ketiga-tiga mereka merupakan guru utama yang mengajar ilmu-ilmu naqli dan aqli kepada beliau. Jumlah guru-gurunya memang agak sedikit, tidak ramai. Manakala guru-guru yang pernah memberikan ijazah sanad kepada beliau ialah:

4. al-'Allamah al-Sayyid Ahmad Zayni Dahlan al-Makki.
5. Syeikh 'Ali al-Hariri al-Madani.
6. al-Muhaddith 'Abd al-Ghani bin Abi Sa'id al-Dihlawi.
7. Syeikh Muhammad bin 'Abdullah bin Humayd al-'Amiri al-Najdi.

Beliau telah melahirkan ramai anak murid yang menuruti jejak langkahnya. Antara murid-murid beliau ialah;

1. Idris bin 'Abd al-'Aliy al-Hanafi.
2. Ifham Allah bin In'am Allah al-Ansari al-Laknawi.
3. Anwar Allah bin Syuja' al-Din al-'Umari.
4. al-Sayyid Amin bin Taha bin Zayn al-Hasani.
5. Badi' al-Zaman bin Masih al-Zaman al-Laknawi.
6. Hafiz Allah bin Din 'Ali al-Bandawi.
7. Syir 'Ali bin Rahm 'Ali al-Husayni.
8. Zuhur Islam bin Hasan 'Ali al-Kazimi.
9. Zahir Ahsan bin Subhan 'Ali al-Nimwi.
10. 'Abd al-Bari bin Talattuf Husayn al-Bakri.
11. 'Abd al-Baqi bin 'Ali Muhammad al-Ansari.
12. 'Abd al-Halim bin Isma'il al-Madrasi.
13. 'Abd al-Halim bin Tafaddal Husayn al-'Abbasi.
14. 'Abd al-Hamid bin 'Abd al-Karim al-Farahi.
15. 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Rahim al-Ansari.
16. Dan ramai lagi.

(Waliy al-Din 1995: 93-145)

Imam 'Abd al-Hay juga seorang ulama yang prolifik. Beliau telah menghasilkan sebanyak 129 karya dalam pelbagai bidang ilmu seperti akidah, hadis, usul al-fiqh, fiqh, fara'idh, fatwa, sejarah, sirah, biografi, mantik, nahu, saraf dan lain-lain. Kebanyakannya di dalam bahasa Arab. Antara karya-karya beliau ialah:

1. الآثار المرفوعة في الأخبار الموضوعة
2. الفوائد البهية في تراجم الحنفية
3. الرفع والتكميل في الجرح والتعديل
4. ظفر الأماني في شرح مختصر الجرجاني
5. مجموعة الفتاوي
6. نفع المفتي والسائل، بجمع متفرقات المسائل
7. التعليق الممجد على موطأ الإمام محمد
8. فرحة المدرسين بأسماء المؤلفات والمؤلفين
9. طرب الأماثل بتراجم الأفاضل
10. إنباء الخلان بأنباء علماء هندستان
11. السعاية في كشف ما في شرح الوقاية
12. الأجوبة الفاضلة للأسئلة العشرة الكاملة
13. إقامة الحجة على أن الإكثار من التعبد ليس ببدعة
14. سباحة الفكر بالجهر بالذكر

15. تحفة الأخيار بإحياء سنة سيد الأبرار
16. النافع الكبير لمن يطالع الجامع الصغير
17. آكام النفائس في أداء الأذكار بلسان فارس
18. الكلام المبرم فى نقض القول المحقق المحكم
19. الفلك المشحون فيما يتعلق بانتفاع المرتهن بالرهون
20. إبراز الغي الدافع في شفاء العي

Dr. Waliy al-Din al-Nadwi telah menghuraikan secara terperinci setiap satu karyanya ini di dalam buku biografi yang khusus mengenai Imam al-Laknawi. (Waliy al-Din 1995: 165-298)

Formulasi Terhadap Hadis Diperselisihkan Statusnya

Formulasi yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah yang dihuraikan oleh Imam al-Laknawi di dalam kitab *Zafar al-Amani bi Syarh Mukhtasar al-Jurjani*. Kitab ini telah diselesaikan oleh al-Laknawi pada bulan Safar 1304H, iaitu kira-kira sebulan sebelum kewafatannya.

Menurut Kamus Dewan, formulasi ialah 'huraian atau penjelasan yang ringkas dan tepat, rumusan'. Huraian atau penjelasan yang dibuat oleh al-Laknawi dalam kitab tersebut membuktikan kematangan dan ketinggian tahap penguasaan ilmu yang dimilikinya. Beliau menegaskan bahawa status hadis yang disepakati oleh para *huffaz* (muhaddithin yang berkepakaran tinggi) sebagai sahih, hasan, daif atau mawdu‘ hendaklah diterima pakai oleh semua orang. Ini kerana kaedah yang jelas, setiap bidang ilmu itu perlu dirujuk kepada ahlinya, dan mereka itulah yang ahli dalam bidang hadis. Maka, pandangan orang yang bukan ahli tidak boleh diambil kira, walaupun ia ahli dalam bidang lain seperti fiqh, tasawuf, tafsir, kalam dan sebagainya. (al-Laknawi 1416: 420)

Demikian adalah bagi status hadis yang disepakati. Adapun bagi status hadis yang tidak disepakati atau diperselisihkan, maka ia bukan suatu perkara yang mudah. Justeru, perlu menggunakan kaedah-kaedah tarjih. Dengan melaluinya, dapat diketahui mana pendapat yang rajih, lalu diguna pakai dan mana yang tidak rajih, lalu ditinggalkan. Kaedah-kaedah tarjih ini yang disebut di sini sebagai 'formulasi' dan ia dibahagikan kepada beberapa kaedah.

Kaedah-kaedah Tarjih

Menurut Imam al-Laknawi, proses tarjih ini mempunyai banyak cara yang antaranya ialah:

i. Kaedah Pertama:
Meneliti dengan halus kesemua maklumat yang disebut oleh kedua-dua belah pihak. Perhatikan dengan teliti dan cermat sebab-sebab yang mendorong sebelah pihak itu menghukumkannya sebagai daif atau mawdu‘ dan sebelah pihak lagi menghukumkannya sebagai sahih atau hasan. Sekiranya sudah jelas, pilihlah apa yang nyata sabitnya dan tinggalkanlah apa yang sudah nyata daifnya. (al-Laknawi 1416: 420)

Bagi kaedah ini, Imam al-Laknawi telah membawakan contoh hadis-hadis berikut;

1. Hadis tentang solat tasbih. Hadis ini diriwayatkan di dalam kitab-kitab *sunan* dan *masanid,* namun ulama berselisih pendapat tentang statusnya. Ibn al-Jawzi telah memuatkan hadis ini di dalam kitab *al-Mawdu'at*, dengan maksud menghukumkannya sebagai hadis palsu. Manakala sebilangan ulama lain menghukumkannya sebagai daif. Sebahagian ulama lagi menghukumkannya sebagai sahih dan sebahagian lagi menghukumkannya sebagai hasan. Setelah diteliti dan diamati pendapat semua pihak, maka akan jelaslah bagi orang yang mahir akan kelemahan pendapat yang menghukumkannya sebagai palsu. Juga dapat diketahui, punca orang yang menghukumkannya sebagai daif pula adalah kerana dia menghukum sebahagian jalan-jalan riwayatnya sahaja. Manakala orang yang menghukumkannya sebagai sahih pula adalah kerana dia meneliti kesemua jalan-jalan riwayatnya. Juga sudah tiada kekeliruan lagi bahawa setengah jalan-jalan riwayatnya adalah hasan. Maka, inilah pendapat yang lebih muktamad dan dapat diterima, sebagaimana yang telah dikupas secara detail oleh al-Hafiz al-'Iraqi, al-Hafiz Ibn Hajar dan al-Hafiz al-Suyuti di dalam karangan-karangan mereka.

2. Perselisihan ulama tentang hadis meluaskan perbelanjaan keluarga pada hari 'Asyura'. Ibn al-Jawzi, Ibn Taymiyyah dan lain-lain telah menghukumkannya sebagai mawdu'. Manakala sebahagian ulama menghukumkannya sebagai hasan. Dan inilah pandangan yang muktabar menurut pengamatan yang lebih mendalam, sebagaimana yang telah dihuraikan oleh al-Hafiz al-Sakhawi dalam *al-Maqasid al-Hasanah*.

3. Hadis: (طلب العلم فريضة على كل مسلم) "Menuntut ilmu itu adalah fardhu ke atas setiap muslim". Kebanyakan ulama mendaifkannya, manakala sebahagian yang lain menghukumkannya hasan. Pandangan yang muktabar menurut pengamatan yang lebih dalam adalah pandangan yang terakhir.

4. Hadis: (من زار قبري وجبت له شفاعتي) "Sesiapa yang menziarahi kuburku, wajiblah baginya syafaatku". Sebahagian ulama menyatakannya daif. Sebahagian yang lain pula menghukumkannya palsu seperti Ibn Taymiyyah dan lain-lain yang mengikut pendapatnya. Sedangkan kedua-dua pandangan ini adalah salah bagi orang yang benar-benar faham. Penelitian mendalam menunjukkan status hadis tersebut adalah hasan, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Taqiy al-Din al-Subki di dalam kitabnya *Syifa' al-Saqam fi Ziyarah Khayr al-Anam*.

5. Hadis-hadis tentang solat-solat sunat yang dikaitkan dengan hari dan malam tertentu, seperti malam dua Hari Raya, malam Nisfu Syaaban, setiap hari dalam seminggu, sepertimana yang dicatat dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Qut al-Qulub*, *Ghunyah al-Talibin* dan lain-lain. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai sahih, sebahagian yang lain menghukumkannya sebagai daif dan sebahagian yang lain lagi menghukumkannya sebagai palsu. Orang yang mahir dan meneliti pendapat kesemua pihak, pasti akan menghukumkan hadis-hadis tersebut sebagai palsu, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Hajar al-Makki dalam *al-'Idah wa al-Bayan li ma Ja'a fi Laylah*

al-Nisf min Sya'ban, 'Ali al-Qari al-Makki dalam *al-Mawdu'at* dan Ibn Rajab dalam *Lata'if al-Ma'arif.* Kes yang serupa juga mengenai hadis-hadis tentang solat ragha'ib dan puasa hari-hari tertentu dalam bulan Rajab, sebagaimana yang telah dihuraikan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam *Tabyin al-'Ajab fi ma Warada fi Fadl Rajab* dan gurunya, al-Hafiz al-'Iraqi dalam *Takhrij Ihya' 'Ulum al-Din*.

6. Hadis tentang menentukan kadar mahar/mas kahwin sebanyak 10 dirham. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai sahih dan sebahagian yang lain menghukumkannya sebagai daif. Dengan penelitian yang mendalam, peneliti akan mengambil kira pandangan yang mengatakannya berstatus daif serta tidak dapat dijadikan sandaran hujah.

7. Hadis tentang dihidupkan semula kedua ibu bapa Nabi SAW. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai palsu dan sebahagian yang lain menghukumkannya sebagai daif. Setengah ulama yang menyelidiki dengan lebih mendalam pandangan kedua-dua belah pihak telah mentarjihkan pandangan yang menyatakannya sebagai daif sahaja, sepertimana yang disebut oleh al-Suyuti dalam *al-Ta'zim wa al-Minnah fi Anna Abaway Rasulillah fi al-Jannah*.

Sebagai tambahan, Imam al-Laknawi mengulas, ulama berselisih pandangan tentang kelepasan ibu bapa Nabi SAW di akhirat kelak. Sebahagian mereka menyatakan tidak selamatnya kedua-dua ibu bapa Nabi SAW, seperti yang disebut oleh 'Ali al-Qari dalam *Syarh al-Fiqh al-Akbar* dan dalam sebuah risalah khusus dan juga Ibrahim al-Halabi dalam sebuah risalah khusus juga. Ia juga disokong oleh zahir hadis Sahih Muslim dan lain-lain. Sebahagian mereka pula menyatakan selamatnya kedua-dua ibu bapa Nabi SAW serta menyabitkan hal itu dengan pelbagai hujah, seperti yang dipilih oleh al-Suyuti serta menulis tujuh buah risalah mengenainya. Namun, pandangan yang lebih selamat dalam soal ini ialah ber*tawaqquf* (menangguh atau berhenti membuat keputusan) mengenainya. Tambah al-Laknawi: "Berwaspadalah, berwaspadalah dari bercakap dengan perkara yang dapat menyakiti roh Nabi SAW."

8. Hadis kisah dua malaikat yang dipenjara di Babil bernama Harut dan Marut. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai palsu atau daif. Sedangkan orang yang meneliti kesemua jalan-jalan riwayatnya akan menghukumkannya sebagai sabit, sebagaimana yang telah dihuraikan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam *al-Kaf al-Syaf fi Takhrij Ahadith al-Kasysyaf* dan al-Suyuti dalam tafsirnya *al-Durr al-Manthur* dan risalahnya *al-Haba'ik fi Akhbar al-Mala'ik*.

9. Hadis tentang bacaan imam adalah bacaan baginya (makmum). Hadis ini dijadikan sandaran hujah oleh ulama Hanafiyyah dalam menggugurkan bacaan makmum. Sebahagian ulama menyatakan bahawa kesemua jalan-jalan riwayatnya adalah daif, justeru mengeluarkannya dari batasan untuk berhujah dengannya. Sebahagian yang lain pula menghukumkan setengah jalan riwayatnya adalah hasan, bahkan sahih. Orang yang mahir dan meneliti pandangan kedua-dua belah pihak akan menghukumkan pandangan yang terakhir itulah yang muktabar, menurut apa yang telah dibentangkan oleh Ibn al-Humam dalam *Fath al-Qadir*, serta al-'Ayni dalam *al-Binayah Syarh al-Hidayah* dan *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*.

10. Hadis air dua *qullah* (diperselisihkan kadarnya antara 160-270 liter) dan hadis membaca di belakang imam. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai daif, sebahagian yang lain pula menghukumkannya sebagai hasan dan sebahagian lagi menghukumkannya sahih. Orang mahir yang mempunyai pertimbangan dan kefahaman pasti tahu bahawa pandangan yang mengatakannya hasan itu adalah yang paling tepat.

11. Hadis tentang mukjizat matahari kembali selepas terbenam untuk Nabi SAW pada masa perang Khaibar. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai palsu seperti Ibn al-Jauzi, Ibn Taymiyyah dan selain mereka berdua. Sebahagian yang lain pula menghukumkannya sebagai sahih atau hasan. Dan inilah pandangan yang kuat bagi orang yang meneliti pandangan kedua-dua belah pihak dan mahir mencerna dalil-dalil mereka, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh al-Suyuti dalam *al-La'ali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah*, serta 'Ali al-Qari, al-Syihab al-Khafaji dan lain-lain yang mensyarahkan kitab *al-Syifa fi Huquq al-Mustafa*.

12. Hadis: "Apabila imam membaca, maka hendaklah kalian diam". Hadis ini diriwayatkan dalam kitab-kirab *Sunan* daripada Abu Musa al-Asy'ari RA dan Abu Hurairah RA. Al-Bayhaqi telah menukilkan daripada Ibn Ma'in, Abu Hatim, Abu Dawud dan lain-lain tentang kedaifan statusnya. Manakala Muslim dan Ibn Khuzaymah pula memilih sebagai sahih statusnya. Justeru, orang yang mendakwa bahawa para *huffaz* telah bersepakat bahawa ianya daif adalah salah. Mereka yang mengamati dan meneliti pandangan pihak yang menghukumkannya sebagai sahih dan pihak yang menghukumkannya sebagai daif pasti akan menyabitkan bahawa pandangan yang mengatakannya sahih itulah pandangan yang kuat, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Ibn al-Humam, al-'Ayni dan lain-lain.

ii. Kaedah Kedua:
Salah satu pihak bersifat *tasahul* (longgar) dalam menghukum hadis sebagai hasan atau sahih. Manakala satu pihak lagi bersifat cermat dan teliti dalam menghukum. Maka, ditarjihkan pandangan pihak yang tidak bersifat *tasahul* ke atas pihak yang bersifat *tasahul*.

Misalnya, kes al-Hakim pengarang kitab *al-Mustadrak*. Para ulama hadis bersepakat bahawa hukum sahihnya tidak dapat dipegang. Al-Zahabi telah meringkaskan kitabnya serta mengkritiknya pada banyak tempat. Justeru, jika sesuatu hadis itu disahihkan oleh al-Hakim atau orang yang seumpamanya, namun didaifkan oleh al-Zahabi atau orang yang seumpamanya, maka hendaklah diterima pandangan pihak yang terakhir itu dan tidak perlu lagi melihat pandangan pihak yang pertama. (al-Laknawi 1416: 425-426)

Sebagai pencerahan, perlu dijelaskan bahawa ulama pengkritik hadis, menurut al-Hafiz al-Dhahabi di dalam kitabnya *Dhikr Man Yu'tamad Qawluh fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu;

1. Kumpulan yang bersifat *tasyaddud* (keras, berlebih-lebihan); atau *mutasyaddidun*. Antaranya ialah Yahya bin Ma'in, Abu Hatim dan al-Juzajani.

2. Kumpulan yang bersifat *tasahul* (longgar); atau *mutasahilun*. Antaranya seperti al-Tirmizi, al-Hakim dan al-Bayhaqi.
3. Kumpulan yang bersifat *tawassut* (sederhana, saksama); atau *mu'tadilun*. Antaranya seperti al-Bukhari, Ahmad bin Hanbal, Abu Zur'ah dan Ibn 'Adi. ('Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah 1990: 171-172)

Imam al-Laknawi turut menyebut pembahagian ini di dalam kitabnya *al-Raf' wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. (al-Laknawī, 1987: 283)

iii. Kaedah Ketiga:
Salah satu pihak bersifat *tasyaddud* (keras, berlebih-lebihan) dalam men*jarh*kan (melemahkan) perawi. Manakala satu pihak lagi bersifat sederhana dan adil (*tawassut*) dalam men*jarh*kan perawi. Maka, ditarjihkan pandangan pihak yang tidak bersifat *tasyaddud* ke atas pihak yang bersifat *tasyaddud*. Hukum sahih dan hasan pihak yang bersifat sederhana itu lebih diterima berbanding hukum daif dan palsu pihak yang bersifat *tasyaddud*, sepertimana yang disebut oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. (al-Laknawi 1416: 426)

Imam al-Laknawi kemudian menukilkan daripada al-Hafiz Ibn Hajar tentang kedudukan ulama-ulama yang bersikap *tasyaddud* (keras, berlebih-lebihan) dan *tawassut* (sederhana, saksama). Menurutnya, setiap peringkat para pengkritik hadis itu tidak sunyi daripada orang yang bersifat *tasyaddud* dan *tawassut*. Misalnya:
1. Daripada peringkat pertama, ada Syu'bah dan Sufyan al-Thawri, namun Syu'bah lebih keras daripadanya.
2. Daripada peringkat kedua, ada Yahya al-Qattan dan 'Abd al-Rahman bin Mahdi, namun Yahya lebih keras daripadanya.
3. Daripada peringkat ketiga, ada Yahya bin Ma'in dan Ahmad bin Hanbal, namun Yahya lebih keras daripadanya.
4. Daripada peringkat keempat, ada Abu Hatim dan al-Bukhari, namun Abu Hatim lebih keras daripadanya.

Kata an-Nasa'i: "Tidaklah ditinggalkan hadis seorang perawi itu di sisiku sehinggalah semua orang sepakat untuk meninggalkannya. Ada pun jika perawi itu dithiqahkan oleh Ibn Mahdi dan didaifkan oleh Yahya al-Qattan misalnya, maka ia masih tidak ditinggalkan kerana sudah diketahui sikap *tasyaddud* Yahya."

iv. Kaedah Keempat:
Salah satu pihak bersifat *tasyaddud* (keras, berlebih-lebihan) dalam menghukumkan hadis sebagai daif atau palsu seperti Ibn al-Jawzi, Ibn Taymiyyah, al-Fairuzabadi pengarang *Sifr al-Sa'adah*, al-Juzaqani dan lain-lain. Manakala satu pihak lagi bersifat sederhana dan cermat seperti al-Hafiz Ibn Hajar, gurunya al-'Iraqi, al-Suyuti dan lain-lain. Maka, ditarjihkan pandangan pihak yang terakhir ke atas pihak yang awal. Janganlah segera menghukumkan hadis sebagai daif atau palsu semata-mata pandangan pihak yang pertama. (al-Laknawi 1416: 427)

Sebagai misalan, al-Suyuti telah memberi tumpuan kepada kitab *al-Mawdu'at* susunan Ibn al-Jawzi dengan meringkaskannya, mengkritik tempat-tempat yang ada ciri *tasyaddud* dan menyokong tempat-tempat yang ada ciri *tawassut*. Justeru, orang yang menelaah kitab *al-Mawdu'at* susunan Ibn al-Jawzi, ia juga wajib menelaah kitab *al-La'ali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah* karangan al-Suyuti.

Perhatian dan Rumusan

Imam 'Abd al-Hay al-Laknawi memperingatkan, terdapat ramai ilmuwan yang bertaqlid sama ada kepada pihak yang bersifat *tasyaddud* (keras, berlebih-lebihan) atau kepada pihak yang bersifat *tasahul* (longgar), lalu mereka mensahihkan hadis-hadis yang daif atau pun menghukumkan palsu hadis-hadis yang hasan dan sahih (al-Laknawi 1416: 427). Sikap yang terbaik ialah bersifat *tawassut* (sederhana, saksama) dalam memutuskan sesuatu hukum. Perlu meneliti dan memahami sesuatu perkara itu secara mendalam dan saksama sebelum membuat tarjih di antara pandangan pihak-pihak yang bertentangan.

Demikianlah pandangan dan formulasi yang diketengahkan oleh Imam al-Laknawi dalam masalah hadis-hadis yang diperselisihkan statusnya di kalangan ulama hadis. Tokoh ulama hadis, Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah yang menganotasi dan memberi komentar terhadap tulisan Imam al-Laknawi di dalam kitab *Zafar al-Amani bi Syarh Mukhtasar al-Jurjani* ini secara zahirnya turut menyokong formulasi yang telah digariskan oleh Imam al-Laknawi. Ia boleh dianggap sebagai asas solusi yang penting bagi hadis-hadis yang diperselisihkan statusnya. Tanpa menafikan bahawa di sana masih ada lagi kaedah-kaedah yang juga boleh diambil kira, seperti mahir membezakan antara hadis-hadis akidah dan hukum lalu mengetatkan sedikit syaratnya dan antara hadis-hadis fada'il dan motivasi lalu melonggarkan sedikit syaratnya, juga mahir membuat perbandingan makna hadis dengan usul-usul syarak, sama ada usul al-din atau usul al-fiqh yang disepakati, agar tiada sebarang hadis yang diamalkan atau difahami bertentangan dengannya, meskipun sanadnya kelihatan sahih.

Rujukan

'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. 1990. *Arba' Rasā'il fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, cet. 5.

al-Laknawi, 'Abd al-Hay. 1416. *Zafar al-Amani bi Syarh Mukhtasar al-Jurjani*. Halab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.

al-Laknawī, 'Abd al-Ḥay. 1987. *al-Raf' wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, c. 3. Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.

al-Laknawī, 'Abd al-Ḥayy. 1994. *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As'ilah al-'Asyarah al-Kāmilah,* c. 3. Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.

Salah Muhammad Abu al-Haj. 2002. *al-Manhaj al-Fiqhi li al-Imam al-Laknawi*. Amman: Dar al-Nafa'is.

Waliy al-Din al-Nadwi. 1995. *al-Imam 'Abd al-Hay al-Laknawi*. Beirut: Dar al-Qalam.

al-Zirikli, Khayr al-Din, 1998, *al-A'lam*, cet. 13, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.